

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)
TARIKH : 17 OKTOBER 2016
SOALAN :

YB Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa berlaku kelambatan pembinaan Hospital Daerah Pendang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, projek pembinaan Hospital Pendang ini pada asalnya dicadang dilaksanakan secara PFI. Namun begitu, setelah mengambil kira kos pembinaan secara PFI yang terlalu tinggi untuk ditanggung oleh Kerajaan, maka Kerajaan telah memutuskan projek ini dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan (DE).

Berdasarkan kepada keputusan tersebut, projek Hospital Pendang ini telah diluluskan oleh UPE, JPM di bawah RP1, RMKe-11 dengan kos sebanyak **RM200 Juta**. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana dan Borang Permulaan Pelaksanaan Projek telah dikemukakan kepada JKR pada **30 November 2015**.

Kaedah perolehan projek adalah secara **Tender Terhad** dan dilaksanakan melalui kaedah **Reka dan Bina**. Pada masa ini JKR dalam proses penyediaan *Preliminary Detailed Abstract (PDA)*.